



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Umum)

Tarikh: 14-Dec-2023

Produk: Kanz Prihatin

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini serta Terma dan Syarat sebelum anda memohon Kanz Prihatin. Sila dapatkan penjelasan daripada unit Kanz Prihatin kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen atau terma-terma umum.

1. Apakah produk-produk Kanz Prihatin?

Kanz Prihatin ialah produk penyelesaian kewangan patuh syariah khas untuk penjawat awam warganegara Malaysia. Produk ini akan dinamakan dan dijenamakan dengan variasi perkataan 'Kanz' (Khazanah dalam bahasa Arab). Kanz Prihatin adalah satu produk digital yang memerlukan pemohon untuk menggunakan satu aplikasi (iOS atau Android) untuk menghantar dan melindungi permohonan anda.

Produk ini ialah produk pembiayaan peribadi tanpa cagaran berasaskan pengiraan kadar bayaran tetap. Kadar keuntungan tahunan produk ini adalah dari 6.99%. Bayaran ansuran bulanan untuk produk ini akan dibuat melalui Sistem Pemotongan Gaji Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Produk ini boleh digunakan bagi tujuan-tujuan pembiayaan peribadi seperti penempahan pakej umrah, penjagaan perubatan dsb. Walau bagaimanapun, produk ini tidak boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak halal.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Konsep yang diguna pakai ialah Tawarruq (transaksi jualan dan pembelian komoditi atau aset berasaskan bayaran tertunda melalui Murabahah, di mana kos suatu aset ditambah pada margin untung).

Jumlah Harga Jualan dikira menggunakan formula Jumlah Pembiayaan (dibeli oleh) + Jumlah Keuntungan Boleh Dibayar

3. Apa anda akan terima daripada produk Pembiayaan Peribadi Syariah Kanz kami?

*Ilustrasi**

Jumlah Pembiayaan (Harga Pembelian)	: RM24,000
Jumlah Harga Jualan	: RM32,388
Jumlah Kadar Untung	: RM8,338
Kadar Untung	: 6.99% p.a. pada jeda dipersetujui
Tempoh pembiayaan	: 5 tahun

Apakah tanggungan anda?

*Ilustrasi**

Ansuran Bulanan	: RM539.80
Jumlah keseluruhan untuk dibayar termasuklah jumlah pembiayaan	: RM32,388

* *Terma-terma pembiayaan, termasuklah kadar untung, harga jualan, harga pembelian, tempoh pembiayaan dan/atau ansuran boleh berubah bergantung pada penilaian kredit anda oleh kami. Perubahan yang dibuat akan dimaklumkan kepada anda apabila anda menghantar permohonan penuh melalui Surat Tawaran.*

** *Jumlah pembayaran akhir ialah caj bersih*

4. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Terdapat 2 jenis fi iaitu Tetap dan Berubah (bergantung pada jumlah pembiayaan).

- ✓ Fi Pendaftaran (Tetap)
[termasuk caj Platform Tawarruq (untuk Jualan & Pembelian Komoditi) eKYC]
- ✓ Caj perkhidmatan pemotongan ansuran bulanan (Berubah)
- ✓ Duti Setem (Berubah)
- ✓ Pemprosesan (Berubah)

5. Bagaimana jika anda bayar lebih daripada jumlah ansuran bulanan?

Sebarang pembayaran dibuat yang melebihi jumlah ansuran bulanan perlu dibayar akan dianggap sebagai Pembayaran Pendahuluan dan akan ditolak semasa obligasi pembayaran mencapai tempoh matang. Pembayaran sebegini tidak dikira sebagai pengurangan Jumlah Untung Perlu Dibayar dan tidak boleh dituntut balik.

6. Adakah anda dibenarkan untuk membuat penyelesaian awal?

Ya, anda dibenarkan untuk membuat penyelesaian awal. Penerangan di bawah adalah situasi yang dibenarkan:

Jika Jumlah Harga Jualan dibayar penuh sebelum tempoh matangnya, Xanderia Services Sdn. Bhd. akan memberikan Ibra' (rebat) untuk jumlah ansuran belum dibayar kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, rebat tersebut akan dikurangkan kerana dikenakan Fi Penyelesaian Awal (jika ada) yang terdiri daripada:

- (a) 3.0% baki tertunggak semasa tarikh penyelesaian awal; dan
- (b) sebarang perbelanjaan tunai langsung yang ditanggung dan akan ditanggung mengikut Kemudahan dipohon. Anda perlu membayarnya apabila jumlah penyelesaian atau penebusan dibayar, pada masa yang sama.

Penyelesaian sebelum tempoh pembiayaan berakhir termasuklah (tetapi tidak terhad pada) situasi-situasi berikut:

- a) Penyelesaian atau penebusan awal, termasuklah apabila hal ini berlaku kerana membuat pembayaran awal; dan
- b) Pembayaran penuh melalui penstrukturan semula pembiayaan.

Walau bagaimanapun, permohonan pembayaran balik mesti dibuat secara bertulis kepada Xanderia Services Sdn Bhd.

7. Apa yang berlaku jika penyelesaian awal dilakukan?

Untuk penyelesaian awal, Ibra' (rebat) akan diberi kepada Pelanggan. Namun begitu, rebat akan dikurangkan kerana Fi Penyelesaian Awal dikenakan.

8. Bagaimana jika anda gagal memenuhi obligasi anda?

Caj ganti rugi (Ta'widh): 1.0% p.a. (daripada bayaran ansuran tertunggak)

*Ilustrasi**

Ansuran	: RM 1,000
Tarikh Akhir Bayaran Ansuran	: 30hb. setiap bulan
Tarikh Bayaran Sebenar	: 20hb. bulan berikutnya
Bil. Hari Lewat	: 20 hari
Caj Pampasan (Ta'widh)	: $RM\ 1,000 \times 20\ \text{hari} / 365\ \text{hari} \times 1.0\%$ = RM 0.55

- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan jika pembayaran tidak dibuat.
- Sebarang rekod tindakan perundangan terhadap anda boleh menjejaskan kadar kredit anda. Hal ini boleh menyebabkan kadar lebih tinggi dikenakan ke atas anda atau penolakan kredit berlaku.

9. Anda perlukan penjamin?

Tidak memerlukan penjamin atau cagaran. Walau bagaimanapun, Xanderia Services Sdn. Bhd. memerlukan permohonan pembiayaan anda disahkan/diperakukan oleh orang atasan anda/ketua jabatan dalam organisasi anda. Proses pengesahan ini akan dilakukan oleh Xanderia Services Sdn. Bhd.

10. Anda ingin dapatkan maklumat lanjut?

- Hubungi kami di 1300 88 9945 (waktu pejabat)
- Kunjungi kami di pejabat beralamat 17-1, Menara Q Sentral, No. 2A, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur; dan
- Hantarkan e-mel ke info@xanderia.com